

Tunggu laporan EMA sebelum putus guna vaksin AstraZeneca

BERNAMA



GAMBAR hiasan.

Kuala Lumpur: Malaysia akan memutuskan sama ada akan meneruskan penggunaan vaksin AstraZeneca pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) selepas menerima hasil dapatan Agensi Perubatan Eropah (EMA) mengenai vaksin itu.

Menteri Penyelaras program imunisasi itu Khairy Jamaluddin berkata, laporan oleh agensi Kesatuan Eropah (EU) itu akan menentukan sama ada penggunaan vaksin itu ada kaitan dengan pembekuan darah (thrombosis).

"Kami akan menentukan sama ada untuk meneruskannya atau kami meneruskannya (tetapi) dengan berhati-hati," katanya pada webinar Penjagaan Kesihatan ASEAN 2021 secara maya anjuran CARi ASEAN Research and Advocacy dan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN hari ini.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, Malaysia masih mempunyai masa untuk membuat keputusan memandangkan vaksin AstraZeneca datang dari kemudahan Covax hanya pada bulan depan.

Beliau berkata, isu penggunaan vaksin AstraZeneca turut dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin Covid-19 (JKJAV), semalam.


Trending



'Dadah jihad' bernilai lebih RM221 juta dirampas



Pemilik MR DIY hartawan baru dalam senarai Forbes



Banyak beristighfar bang...



Kemaluan dipotong selepas dipaksa ketuk ketampi



Identiti pelaku masih misteri

Mutakhir



Pegawai kanan TLDM direman

Menurut catatan twitter EMA, taklimat media mengenai kesimpulan oleh Jawatankuasa Keselamatan EMA berhubung kajian semula kaitan Astra Zeneca dengan darah beku dijadualkan jam 4 petang Waktu Eropah Tengah (CET) hari ini atau jam 10 malam waktu Malaysia.

Dalam pada itu, Khairy berkata, 80 peratus vaksin dibekalkan ke Malaysia sudah diberikan kepada rakyat dan usaha perlu dipertingkatkan pada Jun sekiranya negara mahu mencapai sasaran imunisasi 80 peratus rakyat Malaysia menjelang Disember ini.

Ditanya sama ada pengamal media dianggap sebagai barisan hadapan dalam program vaksinasi, katanya, mereka akan dimasukkan ke dalam senarai itu tidak lama lagi dengan beberapa slot ditawarkan bagi setiap organisasi media.


"Kami menerima rayuan daripada orang ramai untuk dikategorikan sebagai anggota barisan hadapan dan kami telah meluluskan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan media juga akan disenaraikan," katanya.

Disiarkan pada: April 7, 2021 @ 10:47pm

Artikel Berkaitan



MUTAKHIR
[Ramai gusar isu pasport vaksin](#)



MUTAKHIR
[Malaysia terima vaksin AstraZeneca Jun ini](#)



MUTAKHIR
[Kerajaan teliti dahulu vaksin AstraZeneca](#)



MUTAKHIR
[Malaysia tetap guna vaksin keluaran AstraZeneca](#)



[Solat tarawih, aktiviti imarah masjid dan surau dibenarkan](#)



[40 dikompaun langgar SOP](#)



[2 kru kapal melecür](#)



[66 peratus kawasan di KL, Gombak terima bekalan air sepenuhnya](#)



[15 warga Myanmar ditahan bawa surat kebenaran palsu](#)



MyResipi



[Jom Cuba Buat Wool Roll Bread, Resepi Roti Viral Yang Lembut & Gebu](#)



[Ini Resepi Nasi Arang & Ruz Makhbar, Menu Nasi Berperisa Sebagai Pembuka Selera](#)



[Resepi Cucur Labu & Gluten Free, Kuih Manis Ala-Ala Kaum Cina](#)



[Jemu Makan Ikan Siakap 3 Rasa? Jom Cuba Siakap Grill Garlic Butter, Anak Mesti Suka!](#)



[Jom Cuba 8 Resipi Kuih Raya Menggunakan Coklat Cadbury, Mudah Disediakan dan Sedap!](#)

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh



Invest now \$ 250 in Companies like Netflix and...

Smart Invest



Dubai Villa Prices Fall to Lowest Point in...

Mansion Global



Deb Never is building a body of work that...

Complex in partnershi...



Funny Beach Pictures That Will Make You...

Parentsdome Galleries



No Job Off...

[Read more](#)

CanadianVisa.Org



Mendapatkan pinjaman mungkin lebih...

Pinjaman | Senarai Ta...



Malaysia: Work-from-home Jobs In The US May...

Work From Home List...



Michelin. Motion For Life.

Michelin Malaysia



© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami
Team myMetro
RSS Feed
Disclaimer
Notis Perlindungan
Data Peribadi

Utama
Mutakhir
Global
Arena
Rap/Rapxtra
Bisnes
MetroTV

Akademia
#ITMetro
Ku Bela
Santai
P&P
Dekotaman
WM

Addin
Rencana
Sihat
Xpresi
Vroom
Galeri
Infografik